

ANALABS RESOURCES BERHAD
(No. Syarikat: 468971-A)
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

I. RINGKASAN MAKLUMAT

Maklumat berikut telah dipetik daripada teks penuh Prospektus ini dan hendaklah dibaca bersama dengan teks penuh Prospektus ini.

I.1 Sejarah dan Perniagaan


Analabs telah diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat awam berhad pada 16 September 1998 di bawah Akta Syarikat. Ia telah ditubuhkan untuk menjadi syarikat pemegang pelaburan Kumpulan sehubungan dengan penyenaiaan Kumpulan pada Papan Kedua BSKL. Kegiatan utama anak-anak syarikat Analabs adalah seperti berikut:

Anak Syarikat	Tarikh & Negara Pemberadanan	Modal Diterbitkan Dan Berbayar (RM)	Kepentingan Ekuiti Dipegang (%)	Kegiatan Utama
Anak syarikat Analabs				
TAL	30.12.1974 Malaysia	50,000	100	Pengujian alam sekitar, analisis kimia dan reka bentuk, penjayaan loji rawatan air sisa dan pemegang pelaburan
KLC	13.3.1982 Malaysia	300,000	100	Perdagangan bahan kimia perindustrian dan keluaran berkaitan kimia
RCSB	16.10.1985 Malaysia	4,000,000	100	Pemulihan, pengitaran semula dan rawatan sisa perindustrian cecair dan pepejal
Inagro	7.4.1981 Malaysia	1,000,000	100	Pembungkusan semula dan perumusan kimia pertanian dan penyediaan perkhidmatan pergudangan
QSP	4.8.1995 Malaysia	100,000	60	Perdagangan pelarut perindustrian
Anak Syarikat milik penuh TAL				
Masmeru	11.10.1983 Malaysia	50,001	100	Penyewaan harta
ER	19.4.1985 Malaysia	3,100	100	Penyewaan harta
Anak Syarikat milik penuh KLC				
CWTP	5.8.1988 Malaysia	300,004	100	Pemulihan dan pengitaran semula sisa perindustrian
Anak Syarikat milik penuh CWTP				
M-Field	12.4.1985 Malaysia	9,000	100	Penyewaan harta

1. RINGKASAN MAKLUMAT (Samb)

Syarikat pada masa ini tidak mempunyai syarikat bersekutu. Maklumat lanjut mengenai anak-anak syarikat Analabs dibentangkan dalam Seksyen 8.5 Prospektus ini.

Struktur Kumpulan boleh diringkaskan seperti berikut:



1.2 Sorotan Kewangan

Jadual berikut membentangkan ringkasan proforma keputusan disatukan Kumpulan bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 April 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999. Ianya hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota mengiringinya dan andaian-andaian yang dimasukkan dalam Laporan Akauntan yang dibentangkan dalam Seksyen 10 Prospektus ini.

	←-----Teraudit-----→					
	←-----Tahun Berakhir 30 April-----→					Tempoh lima (5) bulan berakhir 30.09.99
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	RM'000
Jumlah dagangan	15,378	19,422	22,943	28,126	30,863	16,777
Keuntungan disatukan sebelum cukai, perkara terkecuali dan kepentingan minoriti	4,036	5,122	6,836	9,565	9,913	5,468
Cukai	(28)	(408)	(624)	(1,360)	(911)	(605)
Keuntungan disatukan selepas cukai tetapi sebelum perkara terkecuali dan kepentingan minoriti	4,008	4,714	6,212	8,205	9,002	4,863
Perkara terkecuali	-	(495)	-	-	-	-

1. RINGKASAN MAKLUMAT (Samb)

	←-----Teraudit-----→					Tempoh lima (5) bulan berakhir 30.09.99 RM'000
	←-----Tahun Berakhir 30 April-----→					
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	
(samb)						
Keuntungan disatukan selepas cukai dan perkara terkecuali tetapi sebelum kepentingan minoriti	4,008	4,219	6,212	8,205	9,002	4,863
Kepentingan minoriti	-	(12)	(30)	(58)	14	(25)
Keuntungan disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti	4,008	4,207	6,182	8,147	9,016	4,838
Bil. saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000
EPS kasar (RM)	0.10	0.12	0.17	0.24	0.25	0.33*
EPS bersih (RM)	0.10	0.11	0.16	0.21	0.23	0.29*
Kadar dividen kasar (%)	3.00	8.00	15.00	-	0.80	-

Nota:

1. *Proforma keputusan kewangan disatukan Kumpulan terdiri daripada akaun teraudit Syarikat dan anak-anak syarikatnya, TAL, KLC, CWTP, RCSB, Inagro, QSP, Masmeru, ER dan M-Field selepas membuat pelarasan-pelarasan yang relevan dianggap sesuai bagi tahun masing-masing. Proforma keputusan disatukan telah disediakan berdasarkan polisi perakaunan seimbang dengan yang diamalkan sebelum ini dalam penyediaan penyata kewangan teraudit syarikat-syarikat individu.*
 2. *Pertambahan dalam jumlah dagangan sebanyak lebih kurang RM5.18 juta dan RM2.73 juta dari 1997 ke 1998 adalah terutamanya akibat daripada peningkatan dalam perkhidmatan/kegiatan pemuliharaan dan pengilangan semula sisa perindustrian disebabkan sebuah anak syarikat Kumpulan Analabs mula beroperasi pada keupayaan matang.*
 3. *Kadar cukai berkesan adalah lebih rendah pada 0.7% pada 1995 berbanding kadar cukai berkamun 30% disebabkan terdapat keterbalikan penuh caj cukai bagi sebuah anak syarikat yang telah diberi status perintis di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 bermula dari 1 Ogos 1992. Keterbalikan ini adalah sekali sahaja dan tidak menjejaskan caj cukai bagi 1996 dan dengan itu kadar cukai berkesan kembali ke tahap lebih tinggi bagi tahun tersebut.*
 4. *Kadar cukai berkesan lebih tinggi bagi 1998 adalah akibat daripada perbelanjaan susunilaitidak dibenarkan bagi tujuan cukai.*
 5. *EPS bersih telah dikira berdasarkan keuntungan bersih disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti dan bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan sebanyak 40,000,000 saham biasa Analabs bernilai RM1.00 sesaham selepas Pengambilalihan bagi setiap tahun di bawah kajian.*
 6. *Perkara terkecuali pada 1996 adalah berkaitan dengan penyelesaian timbul daripada tuntutan undang-undang oleh kontraktor.*
 7. *Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh di bawah kajian.*
 8. *Syarikat tidak mendapat apa-apa pendapatan tidak juga menanggung apa-apa perbelanjaan dalam tempoh kewangan dari 16 September 1998, merupakan tarikh pemerbadanan hingga 30 April 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 kecuali perbelanjaan ditunda sebagai perbelanjaan awam dan praperbelanjaan dalam kunci kirakira.*
- * *Disetahunkan.*

1. RINGKASAN MAKLUMAT (Samb)

1.3 Perangkaan Penting Berhubung Dengan Terbitan Awam**(a) Modal Saham**

Dibenarkan	RM
50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	50,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh	
33,780,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	33,780,000
Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam:	
6,220,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	6,220,000
Jumlah	<u><u>40,000,000</u></u>

(b) Harga Terbitan Setiap Saham Biasa RM1.70

(c) Proforma NTA Disatukan

Proforma NTA Disatukan pada 30 September 1999 (RM'000) ¹	66,482
Proforma NTA Disatukan setiap saham biasa (RM) ²	1.66

Nota:

- Perbelanjaan bersih terbitan awam ialah RM1,500,000*
- Berasaskan terbitan dan pembayaran penuh 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham selepas terbitan awam.*

(d) Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan

	Anggaran 2000 RM'000	Ramalan 2001 RM'000
Tahun Kewangan Akan Berakhir 30 April		
Keuntungan disatukan sebelum cukai dan kepentingan minority	12,314	18,357
Tolak: Keuntungan prapengambilalihan	(457)	-
Keuntungan prapengambilalihan disatukan sebelum cukai dan kepentingan minority	<u>11,857</u>	<u>18,357</u>
Tolak: Kepentingan minority	(76)	(36)
Keuntungan disatukan sebelum cukai dan kepentingan minority	<u>11,781</u>	<u>18,321</u>
Tolak: Cukai	(1,995)	(3,020)
Keuntungan disatukan selepas cukai dan kepentingan minority	<u><u>9,786</u></u>	<u><u>15,301</u></u>

1. RINGKASAN MAKLUMAT (Samb)

Tahun Kewangan Akan Berakhir 30 April (samb)	Anggaran 2000	Ramalan 2001
Bilangan purata wajaran saham ('000)	12,314	40,000
EPS kasar (sen)	96.62	45.80
EPS bersih (sen)	80.26	38.25
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM1.70 setiap saham biasa (kali)	1.76	3.71
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM1.70 setiap saham biasa (kali)	2.12	4.44

(e) Anggaran dan Ramalan Dividen

Tahun Kewangan Akan Berakhir 30 April	Anggaran 2000	Ramalan 2001
Dividen kasar setiap saham biasa (sen)	*5.00	5.50
Kadar hasil dividen kasar berdasarkan harga Terbitan Awam RM1.70 setiap saham biasa (%)	2.94	3.24
Kadar hasil dividen bersih (%)	2.12	2.33
Lindungan dividen bersih (kali)	6.80	9.66

* *Pemegang-pemegang Saham Terbitan Awam akan berhak kepada anggaran dividen bagi tahun kewangan akan berakhir 30 April 2000*

2. PENGENALAN

Prospektus ini bertarikh **23 Mac 2000**. Salinan Prospektus ini telah dikemukakan dengan dan didaftarkan oleh ROC yang tidak akan bertanggungjawab bagi isi kandungan.

Kelulusan pada dasarnya telah diperolehi daripada BSKL bagi kemasukan ke Senarai Rasmi dan bagi urusniaga dalam dan sebut harga bagi keseluruhan saham biasa Analabs yang diterbitkan dan berbayar, termasuk Saham Terbitan Awam yang merupakan subjek Prospektus ini, pada Papan Kedua BSKL. Saham-saham biasa ini akan dimasukkan ke Papan Kedua BSKL dan sebut harga rasmi akan bermula selepas menerima pengesahan daripada MCD bahawa semua Akaun CDS pemohon-pemohon yang berjaya telah dikreditkan sewajarnya dan notis peruntukan telah dihantar kepada semua pemohon yang berjaya.

Penerimaan permohonan akan bersyarat atas kebenaran diberikan untuk berurusan dalam dan sebut harga bagi kesemua saham Syarikat yang diterbitkan. Wang yang diterima berhubung dengan mana-mana penerimaan permohonan akan dikembalikan sekiranya kebenaran sedemikian tidak diperolehi.

Selaras dengan Seksyen 14 (1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 dan Seksyen 39(1)(j) Akta Syarikat, 1965, BSKL telah menetapkan Analabs sebagai kaunter CDS. Selaras dengan itu, saham-saham yang ditawarkan melalui Prospektus ini akan didepositkan terus dengan MCD dan mana-mana urusniaga dalam saham-saham ini akan dijalankan selaras dengan Akta-akta yang dinyatakan di atas dan Peraturan-peraturan MCD.

Pemohon hendaklah menyatakan nombor Akaun CDSnya dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan sekiranya beliau pada masa ini mempunyai akaun sedemikian. Di mana pemohon belum lagi mempunyai Akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan Kod ADA pilihannya.

BSKL diandaikan tidak akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat atau pandangan atau laporan-laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit Syarikat atau saham-saham biasanya.

Tiada sesiapa pun dibenarkan untuk memberi sebarang maklumat atau membuat sebarang representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini berhubung dengan Terbitan Awam dan sekiranya diberi atau dibuat, maklumat atau representasi sedemikian tidak boleh dianggap sebagai telah dibenarkan oleh Analabs. Penghantaran Prospektus ini atau mana-mana Terbitan Awam yang dibuat berhubung dengan Prospektus ini tidak akan, dalam apa keadaan sekalipun, mengandungi representasi atau membentuk mana-mana implikasi bahawa tiada perubahan dalam hal ehwal Kumpulan Analabs sejak tarikh Prospektus ini.

Pengedaran Prospektus ini dan penjualan Saham Terbitan Awam dalam beberapa bidang kuasa mungkin disekat oleh undang-undang. Sesiapa yang memiliki Prospektus ini dikehendaki memaktumkan diri sendiri dan mematuhi sekatan-sekatan sedemikian. Prospektus ini tidak membentuk dan tidak boleh digunakan untuk tujuan tawaran untuk menjual atau pelawaan tawaran untuk membeli mana-mana Saham Terbitan Awam dalam mana-mana bidang kuasa dalam mana tawaran atau pelawaan sedemikian tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang atau kepada sesiapa yang adalah menyalahi undang-undang untuk dibuat tawaran atau pelawaan sedemikian.

Sama ada Analabs mahupun Ascambankers tidak akan menerima apa-apa tanggungjawab atau liabiliti sekiranya berlaku bahawa mana-mana permohonan atau penerimaan dalam atau menjadi menyalahi undang-undang atau batal dalam negara atau bidang kuasa dalam mana pemohon atau pemegang saham adalah penduduk tetap.

Sekiranya anda ragu-ragu tentang Prospektus ini, anda hendaklah meminta nasihat broker saham, pengurus bank, peguamcara, akauntan profesional atau penasihat-penasihat profesional anda yang lain.

3. MODAL SAHAM

Dibenarkan	RM
50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>50,000,000</u>
Diterbitkan dan berbayar penuh	
33,780,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	33,780,000
Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam:	
6,220,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>6,220,000</u>
Jumlah	<u><u>40,000,000</u></u>

Harga terbitan RM1.70 setiap Saham Terbitan Awam perlu dibayar penuh semasa permohonan.

Terdapat hanya satu kelas saham dalam Syarikat, iaitu, saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, kesemua yang mana bertaraf pari passu antara satu sama lain. Saham Terbitan Awam, akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan lain-lain saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan termasuk hak mengundi dan hak kepada semua dividen dan pengedaran yang mungkin diisytiharkan pada tarikh Prospektus ini.

Tertakluk kepada mana-mana hak khas yang terdapat pada mana-mana saham yang mungkin dikeluarkan oleh Syarikat di masa hadapan, pemegang-pemegang saham biasa dalam Syarikat akan, mengikut perkadaran jumlah yang dibayar ke atas saham-saham biasa yang dipegang oleh mereka, berhak untuk berkongsi dalam keseluruhan keuntungan yang dibayar oleh Syarikat sebagai dividen dan lain-lain pengagihan dan keseluruhan mana-mana lebihan sekiranya Syarikat dibubarkan, selaras dengan Tataurusannya.

Setiap pemegang saham biasa akan berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat agung Syarikat secara sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil, dan atas unjukan tangan, setiap seorang yang merupakan pemegang saham atau wakil atau proksi atau wakil kepada pemegang saham akan mempunyai satu undi, dan atas undian secara pol, setiap pemegang saham secara sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil atau lain-lain perwakilan yang dibenarkan akan mempunyai satu undi bagi setiap saham biasa yang dipegang.

4. PERTIMBANGAN PELABURAN

Para pemohon Saham Terbitan Awam harus mempertimbangkan maklumat yang berikut di samping maklumat lain yang berkaitan yang terdapat di bahagian-bahagian lain dalam Prospektus ini sebelum memohon Saham Terbitan Awam:

(a) **Kebolehpasaran Saham Analabs**

Sebelum Terbitan Awam ini, tiada pasaran awam bagi saham-saham Analabs. Harga Terbitan Awam RM1.70 setiap saham biasa bagi Saham Terbitan Awam telah ditentukan selepas mengambil kira beberapa faktor, termasuk tetapi terhad kepada sejarah dan keadaan kewangan dan pengendalian Kumpulan Analabs, prospeknya dan prospek bagi industri-industri di mana Kumpulan Analabs beroperasi, pengurusan Kumpulan Analabs serta keadaan pasaran semasa ketika permohonan bagi penyeraiannya Analabs dikemukakan kepada SC. Tiada jaminan bahawa harga Terbitan Awam ini akan sama dengan harga saham-saham Analabs akan diniagakan di Papan Kedua BSKL semasa atau selepas penyeraiannya atau tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham-saham Analabs akan wujud dan berterusan semasa atau selepas penyeraiannya.

(b) **Pemilikan dan Kawalan Kumpulan**

Apabila selesainya Terbitan Awam ini, Kan Yow Kheong yang merupakan Pengerusi Eksekutif akan memegang secara berkesan 41.87% kepentingan ekuiti dalam Syarikat. Oleh yang demikian, kemungkinan bahawa Kan Yow Kheong akan dapat mengawal dengan berkesan hasil hal-hal tertentu yang memerlukan undi para pemegang saham Syarikat.

(c) **Risiko Perniagaan**

Kumpulan Analabs tertakluk kepada risiko-risiko yang wujud dalam industri pemulihan sisa perindustrian. Ini termasuk permintaan bagi keluaran-keluaran kitar semula dalam pasaran dalam negeri; penawaran bahan, peralatan dan buruh; perubahan dalam keadaan ekonomi am, perniagaan dan kredit; persaingan dan keluaran pengganti; serta perubahan dalam undang-undang dan dasar-dasar kerajaan. Kumpulan bermatlamat untuk mengurangkan risiko-risiko tersebut dengan meluaskan pasaran dalam negerinya melalui pasaran-pasaran baru, mempelbagaikan kegiatan dalam keluaran-keluaran baru, mempertingkatkan dan menekankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan, kawasan kos yang berterusan dan mengukuhkan rantaian pemasaran dan pengedarannya. Walaupun Kumpulan Analabs cuba untuk mengurangkan risiko-risiko ini, namun tiada jaminan boleh diberi bahawa sebarang perubahan pada faktor-faktor ini tidak akan mendatangkan kesan buruk yang besar kepada perniagaan Kumpulan.

4. PERTIMBANGAN PELABURAN *(Samb)*

(d) **Pergantungan Kepada Personel Utama**

Kepakaran dan kebolehan pihak pengurusan dalam menguruskan Kumpulan Analabs pada masa lalu telah meletakkan harapan kepada para Pengarah dan pengurusan kanan yang sedia ada bagi kejayaan masa depan Kumpulan. Kumpulan beroperasi berdasarkan struktur organisasi datar dengan Kan Yow Cheong sebagai Pengerusi Eksekutif yang menetapkan tumpuan dan hala tuju perniagaan. Beliau dibantu oleh sepasukan profesional berpengalaman yang terdiri daripada ahli kimia dan akauntan. Penekanan yang berat diberikan kepada latihan kerja dan pusingan kerja yang menghasilkan prestasi berbilang tugas. Prestasi kakitangan dinilai melalui penilaian mingguan untuk membolehkan pihak pengurusan mengawasi kecupayaan kakitangan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi sesuatu minggu tertentu. Usaha berterusan oleh pihak pengurusan dalam melaksanakan langkah-langkah ini telah berjaya membentuk sepasukan personel yang cekap dan produktif yang mampu menjalankan kegiatan harian Kumpulan dengan cekap dan berkesan. Langkah-langkah dan langkah beringat-ingat telah diambil dalam mempersiapkan ahli-ahli muda dalam pasukan pengurusan kanan dalam membantu personel utama yang lebih kanan untuk mengendalikan dan menguruskan kegiatan-kegiatan Kumpulan. Kejayaan masa depan Kumpulan juga akan bergantung kepada kemampuannya untuk menarik dan mengekalkan personel mahir.

(e) **Persaingan**

Kumpulan bergiat dalam pasaran yang khusus dalam pemulihan dan kitar semula sisa perindustrian. Kemasukan pengusaha-pengusaha baru ke dalam segmen pasaran ini terbatas setakat yang tertentu oleh hakikat bahawa teknologi yang terlibat tidak mudah diperoleh. Memandangkan usaha yang bersungguh-sungguh daripada kerajaan dan juga para usahawan untuk beralih kepada amalan perniagaan yang lebih bersih dan lebih mesra alam sekitar, maka pilihan untuk mengitar semula sebagai satu cara pengurusan sisa, berbanding dengan pelupusan melalui kambus tanah, akan sentiasa merupakan pilihan yang diutamakan. Walaupun sesetengah pesaing bergiat dalam perniagaan yang sama, misalnya mengitar semula pelarut perindustrian, Kumpulan berpendapat bahawa perniagaannya merupakan pelengkap disebabkan oleh jumlah sisa tidak dirawat yang banyak dan pelbagai jenis. Kumpulan bukan setakat dikenali sebagai pengendali pengurusan sisa semata-mata kerana ia juga membekalkan penyelesaian pengurusan sisa 'awal ke akhir' yang menyeluruh dengan menyediakan perkhidmatan makmal, kejuruteraan alam sekitar, pengumpulan sisa perindustrian dan bekalan bahan kimia rawatan sisa. Selain itu, lesen yang dikeluarkan adalah terhad untuk beberapa buah syarikat sahaja dalam industri ini.

Kemampuan Kumpulan untuk menawarkan gantian keluaran, misalnya pelarut kitar semula menggantikan pelarut asal, merupakan satu lagi kelebihan persaingan yang mampu dihasilkan oleh Kumpulan sendiri. Dengan menawarkan keluaran pengganti pada harga yang lebih rendah daripada keluaran asal, Kumpulan telah dapat membezakan keluarannya daripada keluaran lain, dan dengan itu mencipta bidang khusus untuk segmen pasaran ini.

(f) **Pertimbangan Politik dan Ekonomi**

Perkembangan buruk dalam keadaan politik dan ekonomi di Malaysia boleh menjejaskan prospek kewangan Syarikat. Ketidaktentuan politik dan ekonomi yang lain termasuklah perubahan kadar faedah dan kaedah percukaian.

4. PERTIMBANGAN PELABURAN (*Samb*)

(g) Anggaran dan Ramalan Keuntungan

Prospektus ini mengandungi ramalan dan anggaran keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2000 dan 2001 untuk Analabs yang berdasarkan andaian-andaian yang dianggap munasabah oleh para Pengarah, tetapi walau bagaimanapun tertakluk kepada ketidaktentuan dan kontigensi. Disebabkan oleh pertimbangan yang subjektif dan ketidaktentuan yang terdapat pada ramalan ini dan disebabkan peristiwa dan kejadian seringkali tidak berlaku sebagaimana yang dijangkakan, maka tiada jaminan bahawa ramalan yang terkandung dalam Prospektus ini akan terealis dan hasil-hasil sebenar mungkin sangat berbeza dengan hasil-hasil yang ditunjukkan. Para pelabur akan dianggap sudah membaca dan memahami penerangan mengenai andaian-andaian dan ketidaktentuan yang mendasari ramalan dan anggaran yang terkandung di sini.

(h) Pendedahan Mengenai Kenyataan yang Memandang Ke Hadapan

Prospektus ini mengandungi kenyataan-kenyataan yang memandang ke hadapan, iaitu kenyataan yang selain daripada yang berbentuk fakta sejarah. Walaupun Kumpulan percaya bahawa jangkaan-jangkaan yang tergambar dalam kenyataan hadapan tersebut adalah wajar dan munasabah pada masa ini, namun tiada jaminan bahawa jangkaan tersebut akan terbukti betul. Sebarang perbezaan dalam jangkaan Kumpulan daripada prestasi sebenarnya boleh menyebabkan prestasi dan rancangan kewangan dan perniagaan Kumpulan sangat berbeza daripada prestasi dan rancangan yang dijangkakan.

(i) Pepijat Alaf

Alaf atau Masalah Tahun 2000 ("Y2K") timbul daripada penggunaan peralatan elektronik dan sistem berkomputer, pengkalan data dan aplikasi yang memerlukan tarikh-tarikh untuk beroperasi dan menyimpan atau mengguna tarikh-tarikh tersebut sebagai dua (2) digit (umpamanya "00") dan bukan empat (umpamanya "1900" atau "2000"). Tibanya tahun 2000, kemungkinan wujud sistem berkomputer yang mentafsir representasi dia digit tahun 2000 (iaitu "00") sebagai tahun 1900. Ini memberikan risiko kegagalan sistem atau kesilapan pengiraan yang serius serta kerumitan.

Sebelum akhir 1999 Kumpulan telah mengambil dan melaksanakan kesemua langkah yang diketahui dan relevan untuk memastikan gangguan, sekiranya adalah minima, kepada operasi dan perniagaan Kumpulan yang mungkin timbul daripada masalah Y2K atau "pepijat alaf". Kesemua komputer dan lain-lain perkakasan dan perisian yang diketahui tiak mematuhi telah diganti atau diperbetulkan. Pasukan projek Y2K, diketui oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan telah menguji dan mengesahkan kesemua bidang kritikal operasi sebagai mematuhi Y2K.

Setelah memulakan milinium baru tanpa apa-apa gangguan berkaitan Y2K pengurusan yakin bahawa langkah-langkah pembetulan yang dipakai adalah berkesan dan dengan itu percaya bahawa pendedahan Kumpulan kepada apa-apa gangguan timbul daripada isu berkaitan Y2K selebihnya dan belum diselesaikan adalah minima. Namun demikian, langkah-langkah kontigensi kekal diadakan untuk meningkat kesan apa-apa gangguan sedemikian ke atas operasi Kumpulan.

4. PERTIMBANGAN PELABURAN (Samb)

(j) Pergantungan Kepada Pelanggan dan Pembekal

Asas hasil Kumpulan tidak terhad kepada satu pelanggan atau sekumpulan pelanggan atau industri tertentu sahaja. Perkhidmatan pengurusan sisa perindustrian yang ditawarkan oleh Kumpulan boleh dipasarkan kepada kebanyakan sektor perindustrian di negara ini. Walaupun aliran sisa atau sisa perindustrian berbeza-beza antara satu industri dengan industri yang lain, namun keupayaan Kumpulan untuk merawat sisa-sisa ini hanya terbatas oleh kebolehsesuaian kemudahan dan/atau proses sahaja.

Pada masa ini, pangkalan pelanggan bagi kegiatan perniagaan teras Kumpulan, iaitu pengurusan sisa perindustrian dan pemulihan bahan sebahagian besarnya datang daripada industri berkaitan logam, elektrik dan elektronik, automotif dan cat. Di bahagian perdagangan bahan kimia perindustrian, keluaran-keluarannya juga dipasarkan kepada pelbagai jenis industri seperti elektrik dan elektronik, kimia, cat, tekstil dan pemprosesan makanan. Oleh yang demikian, di bahagian pengurusan sisa perindustrian dan pemulihan bahan dan bahan kimia perindustriannya, Analabs tidak bergantung kepada mana-mana satu pelanggan atau subsektor perindustrian sahaja.

Kebanyakan daripada input atau bahan mentah yang diperlukan bagi operasi Analabs, adalah bahan kimia perindustrian biasa yang boleh didapati dengan senang daripada mana-mana pembekal. Dengan itu, pihak pengurusan tidak percaya mana-mana operasi Kumpulan sebagai bergantung atau terbatas kepada mana-mana pembekal tunggal.

5. MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Nama	Alamat	Pekerjaan	Warganegara
Kan Yow Kheong <i>(Pengerusi Eksekutif)</i>	23-03, Blok B Fraser Towers 92, Jalan 5/60 46000 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	No. 5, Taman Jati Off Kampung Bukit Jati Batu 1 1/2, Jalan Kota Raya 41000 Klang Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Lim Yoke Soo <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	13, Jalan Daya 5/2 Taman Daya, Kepong 51200 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Tan Cheah Boo <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	5-4-15, Jalan 3/149B Taman Sri Endah Bandar Baru Sri Petaling 57000 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Wong Chew Har <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	No. 28, Jalan BK 3/3B Bandar Kinrara 58200 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Heng Aik Peng @ Wang Ten Aun <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	3, Jalan Seri Siantan 45 Taman Sri Andalas 41200 Klang Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Wong MawChuan <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	6, Jalan BK 3/8F Bandar Kinrara Puchong 58200 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Yong Chee Hou <i>(Pengarah Eksekutif)</i>	29, Jalan Terasek 1 Bangsar Baru 59100 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
Ali Riza bin Abdul Samad <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	63, Jalan SS1/19 Kampung Tunku 47300 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Pengarah Syarikat	Malaysia
Kamilah bte Kasim <i>(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5, SS1/22B 47300 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	Peguambela dan Peguamcara	Malaysia

5. MAKLUMAT KORPORAT *(Samb)*

JAWATANKUASA AUDIT

Nama	Tanggungjawab	Keahlian Pengarah
Ali Riza bin Abdul Samad	Pengerusi	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Kamilah bte Kasim	Ahli	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Kan Yow Kheong	Ahli	Pengerusi Eksekutif

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT : Khoo Chew Moey
(MAICSA 7000508)
3, Jalan Pandan 10
Pandan Jaya
55100 Kuala Lumpur

Chee Sock Kion
(LS 00406)
5 Jalan DP 1/5F
Bandar Damai Perdana
56000 Kuala Lumpur

PEJABAT BERDAFTAR : Suite 102, B09/2 Blok B
Tingkat Dua
Pusat Perdagangan Taman Dagang
Jalan Dagang Besar
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

BANK-BANK UTAMA : Arab-Malaysian Bank Berhad
Aras 18, Menara Dion
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Hong Leong Bank Berhad
31 dan 33, Jalan 1/116B
Taman Perusahaan Kuchai
Off Jalan Kuchai Lama
58000 Kuala Lumpur

RHB Bank Berhad
30, Tingkat Bawah dan Satu
Jalan 7/108C
Jalan Sungei Besi
571000 Kuala Lumpur

RHB Bank Berhad
178-180, Jalan Utama
Salak Selatan
57100 Kuala Lumpur

5. **MAKLUMAT KORPORAT (Samb)**

JURUAUDIT DAN AKAUNTAN MELAPOR	:	Arthur Andersen & Co Akauntan Awam Aras 23A, Menara Milenium Jalan Damanlela Pusat Bandar Damansara Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur
PEGUAMCARA BAGI TERBITAN AWAM	:	K. Jeyaraj & Co Peguambela and Peguamcara Suite No. 1, Tingkat Tiga Wisma Tek Lee 38, Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur
JURUNILAI	:	Khong & Jaafar Sdn Bhd (31218-T) 57-1, Jalan Telawi Tiga Bangsar Baru 59100 Kuala Lumpur Jones Lang Wootton Tingkat 2, Standard Chartered Bank Chambers No 2, Lebuhr Pantai 10300 Penang
RUMAH TERBITAN	:	MIDF Consultancy And Corporate Services Sendirian Berhad (11324-H) Tingkat 12, Bangunan MIDF 195A, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur
PENDAFTAR	:	Malaysian Share Registration Services Sdn Bhd (378993-D) Tingkat 7, Exchange Square Bukit Kewangan 50200 Kuala Lumpur
PENASIHAT DAN PENGURUS PENAJA JAMIN	:	Aseambankers Malaysia Berhad (15938-H) Tingkat 33 Menara Maybank 100 Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur
PENAJA JAMIN	:	Hwang-DBS Securities Berhad (14389-U) Aras 8 Wisma Sri Pinang 60, Green Hall 10200 Pulau Pinang
PENYENARAIAAN DIPOHON	:	Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM

6.1 Pembukaan Dan Penutupan Senarai Permohonan

Senarai Permohonan akan dibuka pada jam 10.00 pagi pada 7 April 2000 dan akan terus dibuka sehingga jam 8.00 malam pada hari yang sama atau tempoh atau tempoh-tempoh selanjutnya sebagai para Pengarah Syarikat mengikut budi bicara mutlak mereka mungkin putuskan.

6.2 Butir-butir Terbitan Awam

Terbitan Awam akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Prospektus ini adan atas penerimaan, Saham Terbitan Awam akan diperuntukkan dalam cara berikut:

(i) **Para Pengarah Dan Kakitangan Kumpulan Analabs Yang Layak**

671,000 Saham Terbitan Awam akan dirizabkan untuk para Pengarah dan kakitangan Kumpulan Analabs yang layak;

(ii) **Orang-orang Awam Malaysia**

5,549,000 Saham Terbitan Awam akan disediakan untuk permohonan oleh warganegara, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Malaysia yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khas untuk individu, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi Bumiputera.

Saham biasa di bawah perenggan (i) di atas tidak perlu ditaja jamin dan dengan itu tidak akan ditaja jamin. Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana Saham Terbitan Awam di bawah perenggan (i) di atas tidak diambil oleh para Pengarah dan kakitangan Kumpulan Analabs yang layak, Saham Terbitan Awam yang sedemikian akan disediakan untuk permohonan oleh pelabur-pelabur awam Malaysia. Kesemua Saham Terbitan Awam di bawah perenggan (ii) di atas telah ditaja jamin sepenuhnya bersama dengan mana-mana saham biasa yang tidak dilanggan oleh para Pengarah dan kakitangan Kumpulan Analabs yang layak di bawah perenggan (i) di atas.

6.3 Tujuan Terbitan Awam

Tujuan Terbitan Awam adalah seperti berikut:

- (i) untuk menyediakan peluang kepada orang-orang awam Malaysia dan para Pengarah dan kakitangan Kumpulan Analabs yang layak untuk menyertai dalam pertumbuhan berterusan Syarikat.
- (ii) untuk memberi Kumpulan Analabs laluan kepada pasaran modal bagi dana-dana untuk pembiayaan pengembangan dan pertumbuhan Kumpulan di masa hadapan; dan
- (iii) untuk membolehkan penyenaiaan dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat pada Papan Kedua BSKL.

6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM (*Samb*)

6.4 Perolehan Terbitan Awam dan Terbitan Hak

Terbitan Awam dan Terbitan Hak dijangka akan mendapat perolehan kasar sebanyak RM33.001 juta yang akan terakru kepada Syarikat. Syarikat akan menanggung kesemua perbelanjaan seperti pembrokeran dan komisen taja jamin, pendaftaran dan yuran pemindahan saham yang berkaitan dengan Terbitan Awam bersama dengan kesemua perbelanjaan lain dan yuran berkaitan dengan penyenaiaan dan sebut harga bagi keseluruhan modal Analabs yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Kedua BSKL yang dianggar sebanyak RM1,500,000.

6.5 Komisen Taja Jamin Dan Pembrokeran

Pengurus Penaja Jamin dan Penaja Jamin yang dinyatakan dalam Seksyen 5 Prospektus ini telah bersetuju untuk menaja jamin 5,549,000 Saham Terbitan Awam yang akan disediakan kepada orang-orang awam Malaysia dan mana-mana saham biasa yang tidak dilanggan oleh para Pengarah dan kakitangan Kumpulan Analabs di bawah perenggan 6.2(i) di atas. Komisen taja jamin berkaitan dengan Saham Terbitan Awam yang akan ditaja jamin perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.50% daripada harga Terbitan Awam RM1.70 setiap saham biasa.

Pembrokeran berkaitan dengan Saham Terbitan Awam perlu dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.0% daripada harga Terbitan Awam RM1.70 setiap saham biasa berhubung dengan permohonan yang berjaya membawa cop tanda niaga Aseambankers, syarikat-syarikat ahli BSKL, ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli-ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIDFCCS.

6.6 Moratorium ke atas Penjualan Saham-saham

Adalah menjadi syarat SC melalui surat kelulusannya yang bertarikh 5 November 1999, pemegang saham utama/ para promoter, Analabs tidak dibenarkan untuk menjual, memindah atau menyerah hak milik saham-saham mereka dalam Analabs berjumlah 18,000,000 iaitu 45% daripada modal saham Analabs yang diterbitkan dan berbayar bagi tempoh satu tahun dari tarikh kemasukan Analabs ke Papan Kedua BSKL. Selepas itu, mereka dibenarkan untuk menjual, memindah atau menyerah hak milik saham-saham mereka dalam Analabs tertakluk kepada maksimum satu pertiga setiap tahun (atas garisan lurus) akan pemegang saham mereka dalam Analabs.

Apabila selesai Terbitan Awam, Kan Yow Kheong dan Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin akan memegang 28,749,500 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Analabs, mewakili 71.87% daripada kepentingan ekuiti mereka. Moratorium ke atas penjualan saham-saham oleh Kan Yow Kheong dan Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin sebagai mana yang dikemukakan oleh KLSE adalah seperti berikut:

Pemegang Saham Utama	Pemegangan Saham Selepas Terbitan Awam		Saham Ditempatkan Di Bawah Moratorium	
	Bil. Saham Biasa Dipegang	% Modal Diterbitkan dan Berbayar	Bil. Saham Biasa Dipegang	% Saham Yang Diterbitkan Dan Berbayar
Kan Yow Kheong	16,749,500	41.87	10,566,000	26.41
Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin	12,000,000	30.00	7,434,000	18.59
Jumlah	28,749,500	71.87	18,000,000	45.00

Sekatan ini diterima sepenuhnya oleh Kan Yow Kheong dan Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin.

6. BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM (*Samb*)

Kenyataan yang akan diendorskan keatas sijil saham tersebut adalah seperti berikut:-

“Saham-saham yang terkandung dalam sijil saham ini tidak boleh dijual, dipindah atau diserahkan hak untuk satu tempoh yang telah ditentukan oleh SC (“Tempoh Moratorium”). Selaras dengan itu, saham saham yang terkandung dalam sijil saham ini tidak akan menjadi penyerahan yang baik selaras dengan Peraturan Bursa Saham Kuala Lumpur semasa Tempoh Moratorium. Tidak ada sijil saham atau sijil-sijil akan dikeluarkan untuk menggantikan sijil ini melainkan yang sama akan diendorskan dengan sekatan ini.”

BAHAGIAN SELEBIHNYA MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

7. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI

7.1 Tinjauan Keseluruhan Industri

Kemunculan industri yang khusus untuk memulihara, mengurus dan memulihkan alam sekitar pada satu atau dua dekad yang lepas merupakan bukti kesedaran orang ramai tentang betapa pentingnya dan betapa perlu segeranya menjaga alam sekitar. Sebelum pengenalan peraturan sisa berbahaya yang khusus dalam dunia perindustrian, kebanyakan sisa perindustrian dilupuskan dengan cara kambus tanah, disimpan dalam tampungan permukaan seperti lagun atau lubang, dibuang ke dalam air permukaan dengan sedikit rawatan atau tanpa rawatan atau dibakar. Salah pengurusan sisa perindustrian dan sisa berbahaya telah mengakibatkan pencemaran air tanah, sungai dan tasik serta merosakkan hidup liar dan tumbuh-tumbuhan. Sementara itu, paras pencemaran toksik yang tinggi telah ditemui pada haiwan dan manusia, terutamanya di kalangan pekerja ladang serta pekerja minyak dan gas, yang sentiasa terdedah kepada aliran sisa tersebut.

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, isu pengurusan sisa berbahaya semakin dititikberatkan oleh sektor awam, perindustrian dan kerajaan di Malaysia. Sisa berbahaya merupakan akibat pembangunan perindustrian yang berlaku di Malaysia sepanjang beberapa dekad yang lalu. Penduduk yang semakin berpendidikan dan berpengetahuan telah menunjukkan kesedaran yang semakin bertambah terhadap pelupusan toksik dan sisa berbahaya secara yang betul dan selamat di Malaysia.

Sejak Akta Kualiti Alam Sekitar mula-mula dilaksanakan pada tahun 1974, sikap industri terhadap perlindungan alam sekitar dan pengurangan pencemaran telah berubah daripada sikap keberatan pada mulanya kepada mematuhi segala peraturan pada hari ini. Walaupun kesedaran dan pematuhan di kalangan para usahawan besar di Malaysia semakin meningkat, namun sebahagian besar perniagaan yang kecil masih lagi jahil tentang kesan salah pengendalian sisa yang terhasil daripada kegiatan-kegiatan mereka.

7.2 Keadaan Industri di Malaysia

Malaysia telah mencapai kemajuan yang besar dalam pembangunan ekonominya. Sebagai pengeluar komoditi utama yang besar dan disebabkan oleh sumber-sumber aslinya yang banyak, Malaysia mengalihkan tumpuannya daripada pengeluaran bahan mentah kepada perkilangan. Ini meningkatkan kadar pengindustrian, mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar. Oleh sebab itu, Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 telah digubal dan setahun kemudian Jabatan Alam Sekitar (DOE) pula ditubuhkan.

Di Malaysia, kecenderungan untuk mengendalikan sisa perindustrian dalam cara yang mesra alam sekitar berhubung kait secara langsung dengan usaha bersungguh-sungguh oleh pihak-pihak berkuasa dalam menggubal dan menguatkuasakan undang-undang alam sekitar dan mengawal selia kegiatan yang menghasilkan sisa. Pertumbuhan industri pengurusan sisa terjadual atau sisa berbahaya boleh disimpulkan daripada bertambahnya bilangan lesen yang dikeluarkan untuk kegiatan-kegiatan khusus, bilangan kesalahan yang direkodkan dan pematuhan kepada syarat-syarat bagi sisa terjadual.

Bilangan lesen yang dikeluarkan bagi semua jenis kegiatan dan kemudahan yang melibatkan sisa terjadual meningkat daripada 59 pada tahun 1993 kepada 174 pada tahun 1998. Ini merupakan peningkatan yang besar dalam tahap kesedaran perniagaan sisa terjadual. Lesen-lesen yang dikeluarkan khusus untuk pemulihan luar tapak meningkat daripada 7 kepada 30 dalam tempoh yang sama. Penunuan juga semakin popular sebagai satu cara pelupusan yang utama dengan bilangan lesen yang dikeluarkan meningkat dariapda 4 kepada 29. (*Sumber: Laporan Alam Sekitar Malaysia 1998, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia, 30 September 1999*).

7. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI *(Samb)*

7.3 Berkitar dan Permintaan

Tidak seperti sesetengah sektor ekonomi yang mengalami kitaran dalam tahap kegiatan, industri pengurusan dan pemulihan sisa tidak mengalami kitaran tersebut dan tidak mungkin akan mengalami fenomena tersebut pada masa depan. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa selagi ada kegiatan perindustrian, sisa akan terhasil yang perlu diuruskan. Oleh sebab 'pangkalan pelanggan' bagi sumber dan industri pemulihan sisa meliputi seluruh sektor perindustrian, maka tidaklah mungkin sekali akan terdapat kitaran yang ketara dalam tahap kegiatan pemulihan.

Permintaan bagi perkhidmatan pengurusan sisa dan pemulihan bahan didorong oleh faktor sosial dan alam sekitar, keperluan undang-undang dan pertimbangan perdagangan. Kesedaran alam sekitar yang memuncak dan tuntutan undang-undang yang menimbulkan tekanan awam jelaslah meningkatkan permintaan bagi perkhidmatan untuk menjadikan sisa berbahaya tidak berbahaya atau melupuskannya sama sekali. Di negara-negara maju, para pengeluar sisa boleh meneliti pemulihan bahan sisa sebagai cara yang berkesan kos untuk menangani masalah sisa dan mengurangkan kos bahan mereka serentak. Oleh yang demikian, pertimbangan perdagangan boleh mendorong permintaan bagi perkhidmatan pengurusan sisa. Dalam konteks Malaysia, permintaan semakin meningkat terutamanya disebabkan oleh keperluan undang-undang dan penguatkuasaan yang semakin ketat oleh pihak berkuasa.

7.4 Kitar Hayat Industri

Perkembangan industri pengurusan sisa terjadual sangat berhubung kait dengan pembangunan dan pertumbuhan sektor perindustrian. Industri-industri yang menghasilkan bahan-bahan sisa yang boleh dilupuskan, yang bermaksud penyingkiran melalui tunu, atau simpanan di tapak sisa. Sebagai alternatif, bahan sisa itu boleh ditukar menjadi keluaran yang kurang berbahaya atau bahkan berguna melalui pemulihan dan kitar semula.

Pada tahun 1970, sektor perkilangan merupakan 14.8% daripada KDNK Malaysia. Pada akhir tahun 1985, bahagian ini meningkat kepada 19.7%. Dengan perubahan dalam strategi ekonomi negara, bahagian nilai ditambah yang disumbangkan oleh industri perkilangan kepada KNDK negara ialah 33.1% menjelang tahun 1995. (*Sumber: Pelan Induk Perindustrian Kedua, 1996-2005, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 28 November 1996*).

Pertumbuhan sektor perindustrian dan sisa yang menyertainya akhirnya menyebabkan pengubalan undang-undang alam sekitar yang mengawal selia pengendalian sisa perindustrian. Peraturan-peraturan sisa perindustrian berbahaya atau "sisa terjadual" telah dibentuk pada tahun 1989. Industri pengurusan sisa, melampaui pengurusan air sisa, pada umumnya adalah dalam peringkat permulaan dengan sesetengah subsektor masih lagi dalam peringkat awal.

Dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia, isu alam sekitar dan pengurusan sisa menjadi semakin penting. Isu alam sekitar begitu pantas menjangkau sempadan politik kerana meningkatnya kesedaran tentang ancaman global yang berpunca daripada kemerosotan alam sekitar.

7.5 Harapan dan Prospek Industri Ini Bagi Malaysia

Prospek bagi industri pengurusan sisa umumnya dan subsektor pemulihan dan kitar semula bahan khususnya adalah bergantung kepada sikap kerajaan terhadap pengurusan sisa, keadaan ekonomi dan industri umumnya dan pengiktirafan tambahan nilai daripada pemulihan bahan daripada sisa perindustrian.

7. TINJAUAN KESELURUHAN INDUSTRI (Samb)

Pendirian kerajaan Malaysia terhadap sisa perindustrian tidak mungkin akan menjadi lembut. Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar akan dikekalkan disebabkan oleh kesan alam sekitar dan kesihatan awam yang ketara daripada pengendalian sisa perindustrian yang sewenang-wenangnya, meskipun negara dilanda kegawatan ekonomi baru-baru ini. Bersama-sama dengan kempen pengindustrian kerajaan, trend keperluan pengendalian sisa yang berkaitan dengan pelaburan langsung asing akan memerlukan kerajaan mengekalkan langkah-langkah memelihara alam sekitarnya.

Kegawatan ekonomi baru-baru ini tidak mengubah azam kerajaan untuk meneruskan pengindustrian negara. Walaupun ekonomi akan tumbuh pada kadar yang lebih perlahan dalam masa dua atau tiga tahun akan datang berbanding awal tahun sembilan puluhan, namun sektor perindustrian besar kemungkinan akan diberi keutamaan yang tinggi dalam agenda ekonomi kerajaan, dengan itu memberikannya setiap rangsangan yang mungkin. Oleh yang demikian, pemulihan sisa perindustrian atau pemulihan bahan akhirnya akan diiktiraf di Malaysia sebagai kegiatan yang berharga, menjimatkan, serta mesra alam sekitar.

Industri pengurusan sisa perindustrian di Malaysia pada dasarnya masih lagi di peringkat awal dan mempunyai prospek yang cerah pada masa depan. Meskipun pertumbuhan ekonomi yang dialami pada tahun 1998 dan 1999 adalah lembap, namun masa depan terdekat industri ini tidak akan terjejas teruk disebabkan oleh pangkalan pelanggannya yang luas. Keperluan jangka panjang pengendalian sisa perindustrian yang betul boleh dikatakan menjamin masa depan industri ini. Pemulihan bahan sebagai subsektor yang khusus dalam industri ini mempunyai masa depan yang cerah disebabkan timbulnya keperluan bagi pemuliharaan sumber, bukan setakat mencegah pencemaran alam sekitar semata-mata.

Pada tahun 1998, lebih 398,518 tan metrik sisa perindustrian terjadual dilaporkan telah dihasilkan. Daripada sisa yang dilaporkan terhasil ini, dianggarkan bahawa lebih 75% mengandungi bahan-bahan yang boleh diguna semula, dan justeru itu mempunyai potensi untuk pemulihan perdagangan. Bagaimanapun, pasaran bagi pengurusan, pemulihan dan kitar semula sisa perindustrian sekarang ini tidak hanya terhad kepada isipadu sisa yang dihasilkan, tetapi juga merangkumi sisa yang dihasilkan lebih awal dan disimpan stok untuk dirawat atau dilupuskan. Berdasarkan anggaran ini, pasaran bagi pemulihan dan kitar semula bahan-bahan perindustrian dianggarkan dalam lingkungan ratusan juta ringgit bergantung kepada bahan yang boleh dipulihkan. Pihak pengurusan Analabs menganggarkan bahawa Kumpulan membentuk 43% daripada pasaran dari segi jumlah dagangan yang kian meningkat kepada 398,518 tan metrik pada tahun 1998, berbanding dengan 279,511 tan metrik pada tahun 1997, boleh dijanakan dalam pemulihan pelarut, asid, alkali dan logam berat daripada sisa perindustrian.

Pada tahun 1998, terdapat 30 pemegang lesen pemulihan luar tapak yang persaingan antara mereka tidak sengit. Persaingan tidak hebat dalam subsektor pelarut, dan di negeri Selangor dan Johor. (Sumber: *Laporan Alam Sekitar Malaysia 1998, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia, 30 September 1999*).

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS

8.1 Pemerbadanan Syarikat

Analabs telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat pada 16 September 1998. Ia ditubuhkan sebagai syarikat pemegang pelaburan Kumpulan dalam penyediaan bagi penyenaian Kumpulan pada Papan Kedua BSKL. Syarikat mempunyai lima (5) anak syarikat, iaitu TAL, KLC, RCSB, Inagro dan QSP. TAL mempunyai dua (2) anak syarikat milik penuh, iaitu Masmeru dan ER manakala CWTP adalah anak syarikat milik penuh KLC. CWTP mempunyai sebuah anak syarikat milik penuh iaitu, M-Field.

8.2 Skim Penyusunan semula

Sehubungan dengan penyenaian saham-saham Analabs pada Papan Kedua BSKL, Syarikat telah melaksanakan langkah penyusunan semula yang telah diluluskan oleh FIC pada 14 Januari 1999, SC pada 5 November 1999 dan 14 Mac 2000 dan MITI pada 28 Januari 1999 dan 19 November 1999. Butir-butir langkah penyusunan semula yang diambil oleh Analabs terdiri daripada berikut:-

Peringkat 1-Penilaian Semula Harta Tanah Masmeru, ER, Inagro, CWTP dan RCSB

Analabs melaksanakan penyenaian semula harta tanah pada 25 Ogos 1998 dan selepas itu menggabungkan lebih penilaian semula timbul daripada penilaian semula harta-harta tanah Masmeru, ER, Inagro, CWTP dan RCSB berjumlah masing-masing sebanyak RM183,497, RM392,714, RM2,327,438, RM2,163,702 dan RM373,943 ke dalam akaun-akaun Kumpulan bagi lima (5) bulan berakhir 30 September 1999. Penilaian semula harta-harta Analabs telah dilaksanakan oleh Tetuan Khong and Jaafar Sdn Bhd. Sijil penilaian Tetuan Khong and Jaafar dilampirkan di seksyen 11 Prospectus ini. Pengiraan lebih penilaian semula adalah seperti berikut:

Pemilik Benefisial	Lokasi	Nilai Buku Bersih @ 30.04.98 RM	Nilai Pasaran Terbuka Diluluskan oleh pengukur RM	Nilai Pasaran Terbuka Diluluskan oleh SC RM	Lebih Penilaian Semula RM
Masmeru	P.N 5288 Lot No 55, Seksyen 92A, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan	516,503	700,000	700,000	183,497
ER	P.N 5287 Lot No. 54, Seksyen 92A, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan	257,286	650,000	650,000	392,714
Inagro	HS(D) 35467 PT. 19569, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	59,919*	75,000	75,000	15,081
	HS(D) 36256 Lot No. 15825, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	1,015,093*	880,000	880,000	(135,093)
	CT 26641 Lot No. 6493, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	6,252,550*	8,700,000	8,700,000	2,447,450
CWTP	HS(M) 976, 980, 987 dan 988, PT No. 743, 747, 754 dan 755, Mukim Setul Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus	1,553,298	3,717,000	3,717,000	2,163,702
RCSB	IIS(D) 80016 PT No. 14329, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	2,630,382	3,190,000	3,190,000	559,618
	HS(D) 51801, PT No. 43449 Mukim dan Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	5,024,754	5,313,000	4,900,000	(124,754)
	GM 146 Lot No. 87, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan	635,921	700,000	575,000	(60,921)
Jumlah		17,945,706	23,925,000	23,387,000	5,441,294

* Berdasarkan nilai buku pada 30 Jun 1998

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

Peringkat 2

Pengambilalihan TAL, Inagro, KLC, RCSB dan QSP oleh Analabs

Pada 27 Oktober 1998 Analabs menandatangani beberapa perjanjian pertukaran saham bersyarat selaras dengan yang mana ia:-

- (a) mengambil alih daripada Kan Yow Kheong, Lim Yoke Soo, Wong Chew Har dan Tan Cheah Boo, 50,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili keseluruhan modal saham TAL yang diterbitkan dan membayar bagi balasan pembelian sebanyak RM1,208,859 yang telah dijelaskan melalui terbitan 641,645 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Analabs pada harga terbitan RM1.884 setiap saham berdasarkan NTA terlaras selepas penggabungan lebihan penilaian semula pada 30 April 1998;
- (b) mengambil alih daripada Kan Yow Kheong, Wong Eat Too, Yuen Choong Lai, Koay Kang Chuwan, Lian Gee Meng, Dato' Ong Kim Hoay, Goh Chee Huat dan Absolute Riverside Sdn Bhd, 700,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham mewakili 70% daripada modal saham Inagro yang diterbitkan dan membayar bagi balasan pembelian sebanyak RM7,227,676 yang telah dijelaskan melalui terbitan 3,836,346 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam Analabs pada harga terbitan RM1.884 setiap saham berdasarkan NTA terlaras selepas penggabungan lebihan penilaian semula pada 30 Jun 1998;
Jumlah Dagangan	6,927	7,948	6,119	6,034	6,216	1,628
Keuntungan sebelum cukai	1,007	898	265	554	738	209
Cukai	20	(316)	100	(155)	8	(85)
Keuntungan selepas cukai	1,027	582	365	399	746	124
Purata wajaran bilangan saham biasa ('000)	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
EPS kasar (RM)	1.01	0.90	0.27	0.55	0.74	0.84*
EPS bersih (RM)	1.03	0.58	0.37	0.40	0.75	0.50*
Kadar Dividen Kasar (%)	2.70	2.80	2.90	-	32.40	-

Nota:

1. Pengurangan dalam keuntungan sebelum cukai bagi 1996 dan 1997 disebabkan terutamanya oleh caj susutnilai timbul daripada kilang yang baru dibeli pada 1996. Selain itu, syarikat telah mengalami permintaan pasaran yang berkurangan bagi racun herbanya pada 1997 disebabkan oleh pelanggan-pelanggan kurang suka dalam melaksanakan tahap inventori yang tinggi.

2. Kadar cukai berkesan bagi 1996 adalah lebih tinggi sebanyak 35% berbanding dengan kadar cukai berkanun sebanyak 30% disebabkan oleh terlebih peruntukan cukai tertunda. Jumlah tersebut kemudiannya telah diembalikan pada 1997.

3. Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh bawah kajian.

* Disetahunkan

8.5.5 QSP

(i) Sejarah dan Perniagaan

QSP telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 4 Ogos 1995 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. QSP pada dasarnya terlibat dalam perniagaan pelarut perindustrian. Ia memulakan operasinya pada 4 Ogos 1995. Pada 15 Mac 2000, bilangan kakitangan dalam syarikat ialah 4 orang.

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)**(ii) Modal Saham**

Modal saham dibenarkan pada masa ini ialah RM100,000 terbahagi kepada 100,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana RM100,000 terdiri daripada 100,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar penuh QSP sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Biasa Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar Penuh (RM)
04.08.95	2	1.00	Tunai	2
10.06.96	99,998	1.00	Tunai	100,000

(iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada masa ini, QSP tidak mempunyai anak syarikat atau syarikat bersekutu:

(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen teraudit QSP untuk tujuh belas (17) bulan kewangan berakhir 31 Disember 1996, tempoh enam belas (16) bulan berakhir 30 April 1998, tahun kewangan berakhir 30 April 1999 dan untuk tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	←-----Teraudit-----→			
	Tempoh Tujuh Belas (17) Bulan Berakhir 31.12.96 RM'000	Tempoh Enam Belas (16) Bulan Berakhir 30.04.98 RM'000	Tahun Kewangan Berakhir 30 April 1999	Tempoh Lima (5) Bulan Berakhir 30.09.99
Jumlah Dagangan	4,532	7,409	5,353	2,492
Keuntungan sebelum cukai	89	285	(29)	86
Cukai	(31)	(92)	(6)	(25)
Keuntungan selepas cukai	58	193	(35)	61
Purata wajaran bilangan saham biasa (*000)	100	100	100	100
EPS kasar (RM)	0.63*	2.14*	(0.29)	2.06*
EPS bersih (RM)	0.41*	1.45*	(0.35)	1.46*
Kadar Dividen (%)	-	-	-	-

Nota:

1. Tidak ada akaun untung rugi telah disediakan sebelum tempoh kewangan berakhir 1996 memandangkan QSP telah diperbadankan pada 4 Ogos 1995.
2. Pengurangan dalam keuntungan sebelum cukai pada 1999 berbanding dengan 1998 disebabkan terutamanya oleh kos bahan kimia yang meningkat dibeli pada 1999. Kos ini tidak dikenakan kepada pelanggan-pelanggan memandangkan syarikat berhasrat untuk mengekalkan perhubungan muhibah dengan pelanggan-pelanggannya.
3. Kadar cukai berkesan adalah seimbang sepanjang tahun kewangan di bawah kajian.

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Sumb)

4. *Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh di bawah kajian.*

* *Disetahunkan*

8.5.6 Masmeru
(i) Sejarah dan Perniagaan

Masmeru telah diperbadankan pada 11 Oktober 1983, di bawah Akta Syarikat, 1965, sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. Kegiatan utama syarikat adalah penyewaan harta. Syarikat telah memulakan operasi perniagaannya pada 1986. Pada 15 Mac 2000, tidak ada kakitangan dalam syarikat.

(ii) Modal Saham

Modal saham Masmeru dibenarkan pada masa ini ialah RM60,000 terbahagi kepada 60,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana RM50,001 terdiri daripada 50,001 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan dibayar penuh.

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan dibayar penuh Masmeru sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Biasa Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah Modal Saham Diterbitkan dan Dibayar Penuh (RM)
11.10.83	2	1.00	Tunai	2
31.12.84	8	1.00	Tunai	10
19.12.85	49,990	1.00	Tunai	50,000
16.03.88	1	1.00	Tunai	50,001

(iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada masa ini, Masmeru tidak mempunyai anak syarikat atau syarikat bersekutu.

BAHAGIAN SELEBIHNYA MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG
--

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen teraudit Masmeru untuk dua (2) tahun kewangan yang lepas berakhir 31 Mac 1996, tempoh tiga belas (13) bulan berakhir 30 April 1997 dan dua (2) tahun kewangan berakhir 30 April 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	←-----Teraudit-----→					
	Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac		Tempoh Tiga Belas (13) bulan berakhir 30 April	Tahun Kewangan Berakhir 30 April		Tempoh Lima (5) Bulan Berakhir
	1995	1996	1997	1998	1999	30.9.99
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Dagangan	24	24	46	42	42	18
Keuntungan/ (Kerugian) sebelum cukai	1	(2)	19	17	17	9
Cukai	(5)	(4)	(10)	(10)	-	(4)
(Kerugian)/ Keuntungan selepas cukai	(4)	(6)	9	7	17	5
Purata wajaran bilangan saham biasa ('000)	50	50	50	50	50	50
(L.PS)/ EPS kasar (RM)	0.02	(0.04)	0.35*	0.34	0.34	0.43*
(L.PS)/ EPS bersih (RM)	(0.08)	(0.12)	0.17*	0.14	0.34	0.24*
Kadar Dividen (%)	-	-	-	-	-	-

Nota:

1. Jumlah dagangan Masmeru terdiri daripada pendapatan penyewaan. Kos jualan tidak dinyatakan kerana semua kos yang ditanggung telah dirahsiakan secara kolektif di bawah perbelanjaan pengendalian, perbelanjaan faedah dan susutnilai.
2. Kadar cukai berkesan adalah seimbang sepanjang tahun kewangan di bawah kajian.
3. Tidak ada perkara luar biasa semasa tempoh di bawah kajian.

* Disetahankan

8.5.7 ER

(i) Sejarah dan Perniagaan

ER diperbadankan pada 19 April 1985, di bawah Akta Syarikat, 1965, sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. Kegiatan utama syarikat ialah penyewaan harta. Ia telah memulakan perniagaannya pada 1989. Pada 15 Mac 2000, tidak ada kakitangan dalam syarikat.

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

(ii) Modal Saham

Modal saham ER dibenarkan pada masa ini ialah sebanyak RM25,000 terbahagi kepada 25,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana RM3,100 terdiri daripada 3,100 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan dibayar penuh. Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan dibayar penuh ER sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Biasa Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah Modal Saham Diterbitkan dan Dibayar Penuh (RM)
19.04.85	100	1.00	Tunai	100
27.09.87	3,000	1.00	Tunai	3,100

(iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada masa ini, ER tidak mempunyai anak syarikat atau syarikat bersekutu.

(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen teraudit ER untuk dua (2) tahun kewangan berakhir 31 Ogos 1996, tempoh tiga belas (13) bulan berakhir 30 April 1997, dua (2) tahun kewangan berakhir 30 April 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	←-----Teraudit-----→					
	Tahun Kewangan Berakhir 31 Ogos		Tempoh Tiga Belas (13) bulan berakhir 30 April 1997	Tahun Kewangan Berakhir 30 April		Tempoh Lima (5) Bulan Berakhir 30 Sept 1999
	1995	1996	1997	1998	1999	1999
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Dagangan	12	17	16	24	24	10
Keuntungan/ (Kerugian) sebelum cukai	(8)	(5)	4	11	8	3
Cukai	-	(2)	(3)	(5)	-	(3)
(Kerugian)/ Keuntungan selepas cukai	(8)	(7)	1	6	8	-
Bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	3	3	3	3	3	3
(LPS)/EPS kasar (RM)	(2.67)	(1.67)	1.23*	3.67	2.67	2.40
(LPS)/EPS bersih (RM)	(2.67)	(2.33)	0.31*	2.00	2.67	-
Kadar Dividen (%)	-	-	-	-	-	-

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

Nota:

1. Jumlah dagangan ER terdiri daripada pendapatan sewa. Kos jualan tidak dinyatakan kerana semua kos yang ditanggung telah dirahsiakan secara kolektif di bawah perbelanjaan pengendalian, perbelanjaan faedah dan susutnilai.
 2. Kadar cukai berkesan adalah seimbang sepanjang tahun-tahun kewangan di bawah kajian.
 3. Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh di bawah kajian.
- * Disetahunkan.

8.5.8 CWTP

(i) Sejarah dan Perniagaan

CWTP telah diperbadankan pada 5 Ogos 1988, di bawah Akta Syarikat, 1965, sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pemulihan dan kitar semula sisa perindustrian. Ia memulakan perniagaannya pada 1993. Pada 15 Mac 2000, bilangan kakitangan dalam syarikat ialah 26 orang.

(ii) Modal Saham

Modal saham CWTP dibenarkan pada masa ini ialah RM1,000,000 terbahagi kepada 1,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana RM300,004 terdiri daripada 300,004 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan dibayar penuh.

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan dibayar penuh CWTP sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Biasa Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah Modal Saham Diterbitkan dan Dibayar Penuh (RM)
05.08.88	4	1.00	Tunai	4
18.03.91	300,000	1.00	Tunai	300,004

(iii) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu

Pada masa ini, CWTP mempunyai satu (1) anak syarikat milik penuh dan tidak mempunyai syarikat bersekutu. Butir-butir anak syarikat adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Tempat/Tarikh Diperbadankan	Modal Diterbitkan dan Dibayar Penuh RM	Ekuiti Berkesan Dipegang %	Jenis Perniagaan
M-Field	Malaysia 12.04.85	9,000	100.00	Penyewaan Harta

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen teraudit CWTP untuk lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 April 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	←-----Tahun Kewangan Berakhir 30 April-----→					Tempoh Lima (5) Bulan Berakhir 30.9.99
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	RM'000
Jumlah Dagangan	3,560	4,866	5,295	6,389	7,869	3,957
Keuntungan sebelum cukai	2,788	3,847	4,377	4,501	4,464	2,372
Cukai	70	-	-	(568)	(561)	(422)
Keuntungan selepas cukai sebelum perkara terkecuai	2,858	3,847	4,377	3,933	3,903	1,950
Perkara terkecuai	-	(495)	-	-	-	-
Keuntungan selepas cukai dan perkara terkecuai	2,858	3,352	4,377	3,933	3,903	1,950
Bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	300	300	300	300	300	300
EPS kasar (RM)	9.29	12.82	14.59	15.00	14.88	18.98*
EPS bersih (RM)	9.53	12.82	14.59	13.11	13.01	15.60*
Kadar Dividen (%)	400	1000	2000	-	-	-

Nota:

1. *Kadar cukai berkesan adalah seimbang sepanjang tahun-tahun kewangan di bawah kajian. Syarikat menikmati taraf perintis yang mengecualikan keuntungan tertentu daripada cukai bagi 5 tahun akan berakhir 31 Julai 1997*
 2. *Perkara luar biasa pada 1996 adalah berhubungkait dengan penyelesaian yang timbul daripada tuntutan undang-undang oleh seorang kontraktor.*
 3. *Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh di bawah kajian.*
- * *Disetahunkan*

8.5.9 M-Field

(i) Sejarah dan Perniagaan

M-Field diperbadankan pada 12 April 1985, di bawah Akta Syarikat, 1965, sebagai sebuah syarikat sendiri berhad. Pada mulanya ia dikenali sebagai Micro-Precision Technology Sdn Bhd dan telah menukar namanya kepada M-Field Sdn Bhd pada 6 Ogos 1996. Syarikat terutamanya terlibat dalam penyewaan harta. Ia memulakan perniagaannya pada 1993. Pada 15 Mac 2000, tidak ada kakitangan dalam syarikat.

8. MALUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Sumb)

(ii) Modal Saham

Modal saham M-Field dibenarkan pada masa ini ialah RM250,000 terbahagi kepada 250,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana RM9,000 terdiri daripada 9,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Perubahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar penuh M-Field sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Peruntukan	Bil. Saham Biasa Diperuntukkan	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar Penuh (RM)
15.05.85	2	1.00	Tunai	2
07.07.88	8,998	1.00	Tunai	9,000

(iv) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen teraudit M-Field untuk lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	←-----Teraudit-----→					Tempoh Lima (5) Bulan Berakhir 30.9.99 RM'000
	←-----Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun-----→					
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	
Jumlah Dagangan	191	222	258	40	-	-
Keuntungan sebelum cukai	30	227	90	(60)	902 [^]	(20)
Cukai	-	-	(3)	2	-	-
Keuntungan selepas cukai	30	227	87	(59)	902	(20)
Bilangan saham biasa dalam terbitan ('000)	9	9	9	9	9	9
EPS kasar (RM)	3.33	25.22	10.00	(6.78)	100.22	(8.89)*
EPS bersih (RM)	3.33	25.22	9.67	(6.56)	100.22	(8.89)*
Kadar Dividen (%)	-	-	-	-	-	-

Nota:

1. Termasuk dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun berakhir 30 Jun, 1999 menunjukkan hutang yang diketepikan sebagai sebahagian daripada perjanjian yang dibuat apabila CWTP mengambilalih M-Field daripada pemilik terdahulunya.
2. Kadar cukai berkesan adalah seimbang sepanjang tahun-tahun kewangan di bawah kajian.
3. Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh di bawah kajian.
- * Disetahunkan.

[^] Termasuk pendapatan lain bagi tahun berakhir 30 Jun 1999 yang mewakili hutang yang ditetapkan sebagai sebahagian daripada perjanjian yang dibuat bila CWTP membeli M-Field daripada pemilik terdahulunya..

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS *(Samb)*

8.6 Para Pengarah dan Pasukan Pengurusan

8.6.1 Para Pengarah

Berikut ialah profil ringkas para Pengarah Analabs:

Kan Yow Kheong, berusia 47 tahun, telah dilantik sebagai Pengerusi Eksksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Analabs pada 19 November 1999. Kan Yow Kheong yang juga merupakan pemegang saham majoriti menyertai TAL sebagai pengurus makmal pada tahun 1980. Sebelum menyertai TAL, beliau bekerja dengan Dyna Craft International sebagai Juruteknik Sadur Elektrik. Terlatih sebagai seorang ahli kimia, selepas mendapat ijazah dalam bidang Kimia (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, beliau memantapkan kedudukannya di TAL sebagai seorang pengurus yang berkaliber meskipun kurang latihan pengurusan yang formal. Memainkan peranan utama dalam pembelian pengurusan, Kan Yow Kheong telah diminta untuk memimpin TAL. Kekurangan latihan pengurusan formal pada dirinya diatasi dengan banyak belajar sendiri dan penyertaan dalam banyak kursus latihan, serta kursus lepas ijazah dalam pemasaran dan pengurusan.

Setelah berjaya menamatkan Program Pengurusan Atasan dari Institut Pengurusan Asia yang berpangkalan di Manila pada tahun 1988, beliau meneruskan pula pengajiannya untuk mendapatkan Diploma Pengurusan Pemasaran dari Chartered Institute of Management (UK) dan akhir sekali ijazah Sarjana dengan Kepujian dalam Pengurusan Perniagaan dari Oklahoma City University, Amerika Syarikat. Kan Yow Kheong memiliki paduan yang luar biasa antara kepakaran pakar seorang teknokrat, wawasan dan dorongan seorang usahawan, serta kepintaran dalam pengurusan.

Beliau merupakan pendorong utama di sebalik inovasi Kumpulan dalam pengurusannya serta dalam proses dan pembangunan keluaran. Pada tahun 1996, beliau telah diberi penghormatan menghiasi kulit muka depan majalah World Executive Digest berhubung isu tentang "The Learning Organisation and Thinking Company" yang menyiarkan cerita tentang diri beliau dan juga kumpulan syarikat-syarikat Analabs.

Mohammad Nadzri Bin Jamaluddin, berusia 37 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999. Beliau menyertai Kumpulan Analabs pada Jun 1995 dan telah berkhidmat selama lima (5) tahun. Selepas mendapat Diploma Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Malaysia pada Jun 1995, beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Alam Sekitar dengan DOE, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Selama sepuluh tahun berkhidmat dengan DOE, beliau naik pangkat untuk memikul tanggungjawab pengurusan yang lebih besar, iaitu menyelia isu-isu yang berkaitan dengan sisa. Apabila beliau meninggalkan perkhidmatan awam pada tahun 1995 untuk menyertai kumpulan syarikat-syarikat Analabs, sumbangan beliau telah diberi pengiktirafan. Beliau telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Cemerlang 1996 (Selangor) kerana sumbangannya dalam perlindungan alam sekitar negeri Selangor. Beliau kini bertanggungjawab menyelia bahagian pengurusan sisa. Pengetahuan beliau dalam pelbagai industri penjanaan sisa memberikan tumpuan dan kaitan pasaran kepada usaha pemasaran Kumpulan. Selain itu, pengetahuan beliau yang luas mengenai undang-undang dan peraturan alam sekitar seringkali dirujuk oleh Kumpulan Analabs dan juga para pelanggannya.

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

Lim Yoke Soo, berusia 50 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999. Beliau menyertai kumpulan syarikat-syarikat Analabs pada tahun 1977 sebagai ahli kimia dengan TAL dan telah berkhidmat selama selama dua puluh tiga (23) tahun. Selepas memperoleh ijazah kepujian dalam bidang Kimia dari Universiti Nanyang Singapura pada tahun 1974, beliau pada mulanya menyertai N.S Electronics Sdn Bhd sebagai jurutera proses. Sepanjang tiga tahun beliau bertugas di situ, beliau telah terlibat dalam reka bentuk proses dan kawalan. Pendedahan beliau yang awal kepada reka bentuk proses dan kawalan yang diperolehnya pada tahun-tahun awal kerjayanya amat berharga kepada kerjayanya dengan Kumpulan Analabs. Lim Yoke Soo memainkan peranan utama dalam pentauliahan loji rawatan air sisa, terutama dalam proses reka bentuk loji dan kawalan. Beliau juga terlibat dalam reka bentuk sistem kitar semula dan pemulihan sisa yang dipasang dalam Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab menyelia bahagian Kejuruteraan Alam Sekitar yang merangkumi loji rawatan air sisa dan unit ujian makmal.

Tan Cheah Boo, berusia 38 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999. Beliau menyertai kumpulan syarikat-syarikat Analabs pada tahun 1987 dan telah berkhidmat selama sepuluh (10) tahun. Bermula sebagai Ahli Kimia Penyelidikan dengan TAL, beliau kemudiannya dipertanggungjawabkan dengan tugas pengurusan sebagai Pengurus Kualiti dan Teknikal sebelum bertukar ke KLC pada tahun 1992. Di KLC, beliau bertanggungjawab memastikan proses mengadun bahan kimia khas mematuhi parameter prestasinya yang telah ditetapkan dan bertanggungjawab secara langsung terhadap bahagian R&D Kumpulan. Tanggungjawab beliau memerlukan beliau menyelia usaha-usaha R&D dan Jaminan Kualiti dalam Kumpulan, yang kini dijalankan di makmal-makmal TAL dan Inagro. Sebagai Pengarah Penyelidikan Kumpulan, beliau mempunyai pengalaman langsung dalam penyelidikan bahan kimia perindustrian serta proses pemulihan sisa dan bahan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian dari Universiti Pertanian Malaysia.

Heng Aik Peng @ Wang Ten Aun, berusia 53 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999. Beliau berkelulusan ijazah kepujian dalam bidang Kimia dan diploma siswazah dalam Pendidikan dari Universiti LaTrobe, Australia. Beliau menyertai Kemcom Sdn Bhd pada tahun 1973 sebagai ahli kimia selama 8 tahun, menimba pengetahuan dan pengalaman dalam industri kimia pertanian di Malaysia. Pada tahun 1981, beliau memainkan peranan dalam penubuhan Inagro di mana beliau menggunakan pengalaman dan pengetahuan teknikalnya untuk perniagaan pembungkusan semula dan perumusan kontrak bagi syarikat-syarikat kimia pertanian multinasional.

Sepanjang 17 tahun selepas itu, beliau telah mengembangkan syarikat ini menjadi salah satu pendahulu dalam bidang khusus, iaitu perumusan dan pembungkusan semula kontrak di Malaysia. Seorang tokoh yang dikenali dalam industri kimia perindustrian, beliau berkhidmat dalam Majlis Persatuan Kimia Pertanian Malaysia (MACA) pada tahun 1980. Pada masa ini, beliau merupakan Pengarah bahagian kimia pertanian dalam Kumpulan Analabs.

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

Wong Chew Har, berusia 43 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999. Beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan Analabs selama lebih 20 tahun, berkembang bersama Kumpulan. Sepanjang tempoh perkhidmatannya yang lama bermula pada tahun 1980, beliau telah memikul pelbagai tanggungjawab dalam mengikuti falsafah Kumpulan, iaitu pembangunan berbilang peranan. Berdasarkan kelulusan perakaunannya dari London Chamber of Commerce & Industries (United Kingdom), beliau telah memegang pelbagai jawatan penyeliaan dan pengurusan dalam Kumpulan. Tanggungjawab beliau menyebabkan beliau berhubungan dengan pihak pentadbiran, akaun dan kakitangan pelbagai syarikat dalam Kumpulan. Pembabitan beliau selama 20 tahun dalam struktur dalaman, falsafah dan budaya korporat Kumpulan melayakkan beliau menjadi Pengarah Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia. Beliau sendiri terlibat dalam reka bentuk dan penyelarasan program pembangunan kakitangan yang merangkumi pelbagai aspek pengurusan am serta kawalan dan jaminan kualiti.

Wong Maw Chuan, berusia 36 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999 dan merupakan pengawal kewangan Kumpulan. Beliau memperoleh kelulusan profesionalnya pada tahun 1988 dan merupakan ahli Association of Certified Chartered Accountants (UK) dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1989 dengan Roger Yue, Tan & Associates di mana beliau menjawat jawatan pengurus audit semasa beliau berhenti dari syarikat ini pada tahun 1993. Antara tahun 1994 dan 1996, beliau merupakan Pengurus Audit dengan KPMG Peat Marwick, Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya menyertai Senawang Lang Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat pembangunan harta, sebagai Pengurus Kewangannya. Beliau menyertai Analabs pada tahun 1997 di mana beliau sekarang ini menyelia hal-hal kewangan dan perakaunan dan pentadbiran Kumpulan.

Yong Chee Hou, berusia 43 tahun, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Analabs pada 19 November 1999 dan bertanggungjawab dalam hal-hal korporat dalam Kumpulan Analabs. Beliau mendapat pendidikan formal dalam bidang ekonomi dan perakaunan di United Kingdom, di mana beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Hull. Selepas mendapat ijazah pada tahun 1979, beliau menceburi bidang pengauditan di London selama tujuh tahun. Sepanjang tempoh itu, beliau layak dan diterima masuk sebagai ahli Institute of Chartered Accountants di England dan Wales pada tahun 1984. Pada tahun 1984, beliau juga telah diterima masuk sebagai ahli berdaftar Institut Akauntan Malaysia. Bersetuju untuk ditukarkan dari London ke Kuala Lumpur, beliau kembali ke Malaysia pada akhir tahun 1986 untuk memegang jawatan pengurus di pejabat Malaysia. Meninggalkan profesion audit pada akhir 1988, beliau kemudiannya menyertai Permata Merchant Bank Bhd (sekarang Perwira Affin Merchant Bank Bhd) di mana pengalaman beliau dalam hal-hal korporat bertambah luas. Sebelum menyertai Inagro sebagai Pengarah Eksekutif pada tahun 1991, beliau berkhidmat dengan Antah Holdings Bhd untuk tempoh yang singkat sebagai Pengurus Kewangan. Di samping pengalamannya dalam pengauditan, kewangan dan hal-hal korporat, beliau juga mempunyai pengalaman dalam penguasaan korporat. Beliau menjadi ahli lembaga pengarah beberapa syarikat senaraian awam seperti Press Metal Bhd, C.N. Asia Bhd dan Latitude Tree Holdings Bhd.

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS (Samb)

Kamilah Bte Kasim, berusia 39 tahun, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 19 November 1999. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan kemudian mendapat ijazah Sarjana Undang-undang. Pengalaman profesionalnya sebagai peguambela dan peguamcara bermula dengan Tetuan Suhaimi, Khor, Zulkifli & Chang pada tahun 1988. Beliau kemudiannya menyertai Tetuan Shahinuddin & Ranjit pada tahun 1990 dan meletakkan jawatan 5 tahun kemudian untuk menyertai Tetuan N. K. Tan & Rahim. Pada tahun 1998, beliau menjadi Penasihat Undang-undang dengan Kuala Lumpur International Airports Berhad, mengetuai jabatan undang-undangnya serta jabatan Hak Harta Intelek dan Harta Perindustrian. Tanggungjawab beliau ialah menguruskan dan menyelia semua hal undang-undang yang memerlukan pengetahuan dalam undang-undang dan peraturan perdagangan, harta, pembinaan, keselamatan dan alam sekitar.

Ali Riza Bin Abdul Samad, berusia 47 tahun, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 19 November 1999. Beliau mendapat ijazah Sarjana Sains Perhutanan dari Universiti Pertanian Malaysia, mengkhusus dalam Kejuruteraan Hutan pada tahun 1976. Selepas mendapat ijazah, beliau menyertai Amanah Saham Pahang Berhad sebagai Pegawai Perkhidmatan Teknikal dan kemudian berpindah ke Malaysian Adhesive and Chemical Sdn Bhd sebagai Pegawai Perkhidmatan Teknikal pada tahun 1977. Pada tahun 1978, pengalaman beliau dalam bidang perdagangan diperluaskan lagi apabila beliau menyertai pasukan Pengeluaran dan Pemasaran Sindora Berhad. Pengalaman beliau yang lalu menjadi berguna kepada beliau apabila beliau menjawat jawatan pengurus dengan Penawar Sdn Bhd, iaitu kontraktor peralatan pemadam kebakaran, pada tahun 1980. Beliau telah berkhidmat dengan Harom Holdings Sdn Bhd sebagai Pengarah Eksekutif sejak 1983. Sejak 1996, Ali Riza telah menjadi pengarah bebas dan ahli jawatankuasa audit Kurnia Insurans (M) Bhd, iaitu syarikat insurans am yang utama.

8.6.2 Pengurusan Kanan

Lembaga Pengarah Analabs dibantu oleh pasukan personel pengurusan dan profesional yang berpengalaman. Butir-butir mengenai pasukan pengurusan diberikan di bawah:

Tan Chor Chai, berusia 46 tahun, mempunyai pengalaman yang luas dalam perdagangan bahan kimia perindustrian yang terkumpul selama lebih 15 tahun dalam industri ini. Di antara tahun 1992 hingga 1996, beliau menjadi pengarah Stanchem Enterprise, iaitu sebuah syarikat yang bergiat dalam perdagangan pelarut perindustrian sebelum menyertai QSP pada tahun 1997 untuk memegang jawatannya sekarang. Beliau adalah pengarah yang bertanggungjawab dalam pengendalian am QSP di mana tanggungjawabnya termasuk menyelia jualan, pembelian dan logistik syarikat tersebut.

Brian Wong Wye Pong, berusia 27 tahun, merupakan Pengurus Hal-Ehwal Korporat Kumpulan. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda Perdagangan pada tahun 1994 dari University of Western Australia dan merupakan ahli Australian Society of Certified Practicing Accountants dan Akauntan Berdaftar Institut Akauntan Malaysia. Beliau berkhidmat dengan KPMG Peat Marwick, Kuala Lumpur selama tiga tahun sebelum menyertai Analabs pada tahun 1997. Fungsi-fungsi utamanya merangkumi hal-ehwal korporat, kewangan, audit dalaman dan pentadbiran Kumpulan.

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS *(Samb)*

Tuang Chin Peng, berusia 33 tahun, menyertai Kumpulan Analabs pada awal 1999 sebagai Pengurus Makmal pada awal tahun 1999 selepas tamat pengajian di memperolehi ijazah Sarjana Sains (Kepujian) dengan mengkhususkan dalam bidang Kimia Petroleum. Seajar dengan budaya Kumpulan Analabs yang merupakan "Organisasi Pembelajaran", pengalaman mengajar beliau, yang diperolehi daripada Maktab Pengurusan Raja Melewar dari 1989 hingga 1991, memberikan ruang lingkup yang baru dalam pendidikan dan latihan. Tanggungjawab beliau termasuk pengawasan kerja makmal serta kawalan dan jaminan kualiti.

Siti Kartini bte Jamal, berusia 29 tahun, menyertai Analabs sebagai Pengurus R & D pada tahun 1999 selepas memperoleh ijazah Sarjana Sains Perubatan dalam bidang Farmasi dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai biokimia perindustrian dan biologi molekul. Pengetahuan beliau dalam faktor-faktor pembezaan dalam tindak balas manusia kepada sebatian kimia yang merupakan tajuk penyelidikan lepas ijazahnya amat berharga kepada Kumpulan.

8.6.3 Pertalian Keluarga

Tiada seorang pun daripada Pengarah dan pasukan pengurusan kanan mempunyai pertalian keluarga antara satu sama lain.

8.6.4 Kakitangan

Setakat 15 Mac 2000, Kumpulan Analabs mempunyai 129 kakitangan di bawah pelantikan tetap. Kakitangan Kumpulan Analabs tidak menjadi ahli mana-mana kesatuan dan hubungan kakitangan dengan pihak pengurusan Kumpulan adalah baik.

8.7 Rancangan dan Prospek Masa Depan Kumpulan

8.7.1 Kelebihan Bersaingan

Kumpulan menikmati kelebihan bersaing dalam kepakaran teknikal dan pengalamannya dalam pengurusan sisa perindustrian, pemulihan bahan dan kejuruteraan alam sekitar. Perniagaan ini memerlukan kepakaran yang khusus dan unik dalam sains kimia dan molekul. Kepakaran tersebut, diketuai oleh Kan Yow Kheong, iaitu seorang ahli kimia yang berkecayaan dengan pengalaman 20 tahun dalam industri ini, memberikan keupayaan teknikal kepada Kumpulan untuk mengenal pasti pelbagai keluaran lain yang boleh dipulihkan daripada bahan sisa.

Kelebihan bersaing ini dikekalkan melalui usaha R&D yang berterusan. Usaha R&D berterusan yang dibuat ke atas proses-proses yang sedia ada dapat mengoptimumkan kadar pemulihan bahan seperti pelarut atau logam daripada sisa perindustrian. R&D boleh menghasilkan penambahbaikan dalam reka bentuk proses yang memberikan penjimatan tenaga yang boleh mengurangkan kos pemulihan dengan banyaknya.

Dengan kemampuannya untuk membuat ujian, R&D, mengendali dan mengangkut, memulih dan mengitar semula, menjual dan memasarkan bahan kimia terpulih dan bahan kimia tulen, maka Kumpulan merupakan unit perniagaan bersepadu yang mengaut nilai dalam rantai nilai pemulihan bahan, serta meningkatkan perkaitan dalam rantai itu. Penyepaduan ini membolehkan Kumpulan mengekalkan kedudukannya yang sangat berdaya saing dalam industri ini.

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS *(Samb)*

Dalam kegiatan pemulihan bahan yang lebih lumayan dan menguntungkan, Kumpulan Analabs mempunyai kelebihan bersaing dari segi pengalaman dalam sektor pengurusan sisa perindustrian. Kumpulan mendapat faedah daripada pengalaman langsungnya yang diperoleh dalam pelbagai isu yang melibatkan prestasi perkhidmatan, keluaran dan proses-proses dalam pemulihan bahannya. Pengalaman terkumpul ini dapat menjimatkan kos dan meningkatkan prestasi Kumpulan yang memberikannya kelebihan bersaing berbanding para pesaingnya dan pengusaha-pengusaha baru yang berminat.

Selain kelebihan keluk pembelajaran yang diperoleh sebagai perintis dalam pemulihan bahan, saiz dan skop pengendalian juga merendahkan kos, memberikan kelebihan penjimatan kos kepada Kumpulan. Berserta dengan kos yang sudah pun rendah hasil daripada kawalan rapi pengurusan yang berterusan, penjimatan kos ini mendatangkan kelebihan yang mengagumkan berbanding para pesaingnya.

8.7.2 Rancangan Masa Depan Kumpulan

Perkhidmatan Kumpulan tidak terhad kepada satu industri atau sejenis industri sahaja. Selain industri elektronik, kimia, loji, automotif dan logam, Kumpulan merancang untuk meluaskan perkhidmatannya kepada pelanggan-pelanggan dari industri pertanian, petrokimia, oleokimia, farmaseutikal dan makanan. Kumpulan merancang untuk meningkatkan kemampuan dan keupayaan kemudahan-kemudahannya yang sedia ada di Shah Alam dan Nilai untuk menampung isipadu dan kepelbagaian sisa perindustrian yang dijangkakan. Perniagaan pembungkusan dan perumusan kimia pertanian akan dikembangkan dengan meningkatkan keupayaan daya pemrosesannya dengan melaksanakan pengeluaran berbilang giliran kerja untuk memenuhi keperluan para pelanggan kimia pertanian multinasional, manakala keupayaan kejuruteraan alam sekitar Kumpulan akan diperbesarkan dan dipertingkatkan dengan kelengkapan tercanggih untuk analisis spektrometri, spektrofotometri dan kromatografi. Peningkatan ini juga akan membolehkan fungsi R&D Kumpulan menampung pengembangan yang dirancangan dan pembangunan keluaran baru.

Keupayaan kejuruteraan alam sekitar Kumpulan akan ditambah dan dipertingkatkan dengan peralatan terkini bagi analisis spektrometri, spektrofotometer dan kromatografik. Peningkatan ini akan membolehkan fungsi R&D Kumpulan untuk memuatkan pengembangan yang dirancangan serta pembangunan produk baru. Pertambahan kakitangan teknikal juga diusahakan untuk melengkapinya peningkatan peralatan dan kemudahan R&D. Keupayaan bertambah ini akan menjadi penting kepada pengekalannya kelebihan teknik Kumpulan dalam pemulihan bahan-bahan daripada kutipannya akan sisa-sisa perindustrian dan pemulihan pelarut, klorida ferik, sulfat kuprum dan logam-logam bukan ferus. Potensi bagi pemulihan logam-logam bukan ferus seperti nikel, kuprum dan lain-lain logam bernilai tinggi, sungguh luas dengan terdapatnya logam bukan ferus diguna dalam banyak aplikasi perindustrian dan produk pengguna. Jajaran sisa ini pada masa ini tidak dipulihkan secara tempatan pada mana-mana skala ketara. Logam-logam bukan ferus merupakan pilihan kukuh tertentu bagi pemulihan bahan-bahan dan bernilai tinggi disebabkan logam-logam ini secara semula jadi lebih susah didapati berbanding logam-logam ferus.

Menurut Laporan Kualiti Alam Sekitar 1998, industri makanan dan minuman jauh ketinggalan dalam mematuhi peraturan-peraturan kualiti alam sekitar, iaitu kurang daripada 72% pematuan berhubung dengan kualiti pelepasan efluen perindustrian. Selain mengurangkan jumlah sisa terjadual dalam pelepasan efluen perindustrian ini, Kumpulan juga mempunyai kepakaran untuk memulihkan bahan-bahan organik, dengan itu menambahkan nilai penjimatan kepada proses ini. Bahan-bahan organik tersebut boleh digunakan semula sebagai baja atau makanan ternakan.

8. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN ANALABS *(Samb)*

Tumpuan kegiatan perindustrian di Segitiga Pertumbuhan Utara membuatkan pengurusan sisa perindustrian dan kemudahan pemuliharaan bahan di wilayah utara satu langkah yang tepat dan wajar. Memandangkan hal ini, Kumpulan merancang untuk mendirikan kemudahan pemuliharaan bahan di wilayah utara bagi memberi perkhidmatan kepada industri-industri yang tertumpu di sana, terutamanya dalam sektor elektronik. Industri-industri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia menghasilkan 16% daripada sisa terjadual negara pada tahun 1998 dan hanya diberi perkhidmatan oleh satu lesen sisa terjadual, iaitu untuk simpanan luar tapak. Kumpulan kini sedang meneliti kemungkinan mendirikan kemudahan pemuliharaan bahan di kawasan Pantai Timur bagi memudahkan pelupusan sisa-sisa perindustrian ini. *(Rujukan: Laporan Alamsekitar Malaysia 1998, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sains dan Teknologi dan Alam Sekitar, 30 September 1999)*

Prospek masa depan Kumpulan Analabs adalah cerah, terutama dalam perniagaan terasnya, iaitu pemuliharaan dan kitar semula bahan daripada sisa perindustrian. Pengembangan Kumpulan ke kawasan Utara dan Pantai Timur akan membuka pasaran-pasaran baru bagi pemuliharaan dan kitar semula bahan, dan bagi bahan kimia perindustrian. Begitu juga, kawasan-kawasan baru bagi pemuliharaan daripada sisa perindustrian akan mewujudkan sumber hasil yang baru dan lumayan bagi Kumpulan. Selain itu, penekanan Kumpulan yang berterusan kepada R&D, pembangunan perniagaan dan keluaran mungkin akan meningkatkan pemuliharaan bahan dan kemungkinan perniagaan lain yang tidak dijangkakan pada masa ini.

Persekitaran keseluruhan di mana Kumpulan beroperasi adalah kondusif dan dijangka terus kondusif bagi pertumbuhan masa depan Kumpulan. Ini memandangkan kepada dorongan dan pertumbuhan perindustrian negara yang berterusan, berserta dengan kesedaran awam yang semakin meningkat terhadap isu-isu alam sekitar, serta penekanan dan penguatkuasaan oleh kerajaan yang semakin meningkat terhadap pengendalian sisa yang mesra alam sekitar.

BAHAGIAN SELEBIHNYA MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

9. MAKLUMAT KEWANGAN

9.1 Rekod Keuntungan dan Dividen

Proforma keputusan disatukan Syarikat bagi lima (5) tahun berakhir 30 April 1999 berdasarkan andaian bahawa Kumpulan telah wujud sejak 1995:

	←-----Teraudit----->					Tempoh lima (5) bulan berakhir 30.09.99 RM'000
	←-----Tahun Berakhir 30 April----->					
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	
Jumlah dagangan	15,378	19,422	22,943	28,126	30,863	16,777
Keuntungan disatukan sebelum cukai, perkara terkecuali dan kepentingan minoriti	4,036	5,122	6,836	9,565	9,913	5,468
Cukai	(28)	(408)	(624)	(1,360)	(911)	(605)
Keuntungan disatukan selepas cukai tetapi sebelum perkara terkecuali dan kepentingan minoriti	4,008	4,714	6,212	8,205	9,002	4,863
Perkara terkecuali	-	(495)	-	-	-	-
Keuntungan disatukan selepas cukai dan perkara terkecuali tetapi sebelum kepentingan minoriti	4,008	4,219	6,212	8,205	9,002	4,863
Kepentingan minoriti	-	(12)	(30)	(58)	14	(25)
Keuntungan disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti	4,008	4,207	6,182	8,147	9,016	4,838
Bil. saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000	40,000
EPS kasar (RM)	0.10	0.12	0.17	0.24	0.25	0.33*
EPS bersih (RM)	0.10	0.11	0.16	0.21	0.23	0.29*
Kadar dividen kasar (%)	3.00	8.00	15.00	-	-	0.80

Nota:

- Proforma keputusan kewangan disatukan Kumpulan terdiri daripada akaun teraudit Syarikat dan anak-anak syarikatnya. TAL, KLC, CWTP, RCSB, Inagro, QSP, Masmeru, ER dan M-Field selepas membuat pelarasan-pelarasan yang relevan dianggap sesuai bagi tahun masing-masing. Proforma keputusan disatukan telah disediakan berdasarkan polisi perakaunan seimbang dengan yang diamalkan sebelum ini dalam penyediaan penyata kewangan teraudit syarikat-syarikat individu.*
- Pertambahan dalam jumlah dagangan sebanyak lebih kurang RM5.18 juta dari 1997 dan sebanyak RM2.73 juta pada 1998 adalah terutamanya akibat daripada peningkatan dalam perkhidmatan/kegiatan pemulihan dan kitar semula sisa perindustrian disebabkan sebuah anak syarikat Kumpulan Analabs mula beroperasi pada keupayaan matang.*

9. MALUMAT KEWANGAN (Samb)

3. *Kadar cukai berkesan adalah lebih rendah pada 0.7% pada 1995 berbanding kadar cukai berkanun 30% disebabkan terdapat keterbalikan penuh caj cukai bagi sebuah anak syarikat yang telah diberi status perintis di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986 bermula dari 1 Ogos 1992. Keterbalikan ini adalah sekali sahaja dan tidak menjejaskan caj cukai bagi 1996 dan dengan itu kadar cukai berkesan kembali ke tahap lebih tinggi bagi tahun tersebut.*
4. *Kadar cukai berkesan lebih tinggi bagi 1998 adalah akibat daripada pemindahan kepada cukai tertunda.*
5. *EPS bersih telah dikira berdasarkan keuntungan bersih disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti dan bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan sebanyak 40,000,000 saham biasa Analabs bernilai RM1.00 sesaham selepas Pengambilalihan bagi setiap tahun di bawah kajian.*
6. *Perkara terkecuali pada 1996 adalah berkaitan dengan penyelesaian timbul daripada tuntutan undang-undang oleh kontraktor.*
7. *Tidak ada perkara luar biasa dalam tempoh di bawah kajian.*
8. *Syarikat tidak mendapat apa-apa pendapatan tidak juga menanggung apa-apa perbelanjaan dalam tempoh kewangan dari 16 September 1998, merupakan tarikh pemerbadanan hingga 30 April 1999 dan tempoh lima (5) bulan berakhir 30 September 1999 kecuali perbelanjaan ditunda sebagai perbelanjaan awam dan praperbelanjaan dalam kunci kira-kira.*
- * *Disetahunkan.*

9.2 Modal Kerja, Pinjaman Dan Liabiliti Kontigen

(i) Modal Kerja

Para Pengarah Analabs berpendapat bahawa, tanpa keadaan di luar jangkaan dan selepas mengambil kira unjuran aliran tunai, kemudahan perbankan yang tersedia dan perolehan kasar daripada Terbitan Hak dan Terbitan Awam, Kumpulan Analabs akan mempunyai modal kerja yang mencukupi bagi keperluan boleh diramalnya.

(ii) Pinjaman

Pada 15 Mac 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah bila mana jumlah tertentu boleh dikira sebelum percetakan Prospektus ini), Kumpulan mempunyai sejumlah pinjaman perbendaharaan, pinjaman bank, kemudahan overdraf dan kemudahan pinjaman berjangka sebanyak lebih kurang RM4.1juta. Butir-butir pinjaman bank Kumpulan Analabs adalah dinyatakan di seksyen 8.2 . Pinjaman Wang Kumpulan Analabs dijamin secara berikut:-

1. Jaminan persendirian dan perkongsian oleh para pengarah Kumpulan Analabs;
2. Gadaian undang-undang yang dibentuk ke atas asset tetap dimiliki oleh anak syarikat adalah seperti berikut:-
 - (a) HS(M) 976, 980, 988, 987 and PT Nos. 743, 747, 754 dan 755, Mukim Setul, Distrik Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus;
 - (b) HS(D) 80016, PT No. 14329, Mukim Damansara, Distrik Petaling, Selangor Darul Ehsan;
 - (c) HS(D) 51801, PT No. 43449, Mukim dan Distrik Klang, Selangor Darul Ehsan; dan
 - (d) HS(D) 4791, PT No. 388, Lot 5782, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
 - (e) CT.266641 Lot No.6493, Mukim Kampar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.

9. MALUMAT KEWANGAN (Samb)

(f) PN 5287 Lot No. 54, Section 92A, Pekan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

3. Jaminan Korporat yang diberikan oleh KLC berhubung dengan kemudahan-kemudahan bank yang diberikan kepada CWTP.

4. Gadaian tetap ke atas asset-aset tertentu QSP

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, Kumpulan tidak mempunyai apa-apa modal pinjaman lain yang belum dijelaskan atau dibentuk tetapi tidak diterbitkan, gadai janji atau gadai yang belum dijelaskan sehingga kini.

(iii) Liabiliti Kontigen

Pada 15 Mac 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah bila mana jumlah tertentu boleh dikira sebelum percetakan Prospektus ini), Kumpulan Analabs tidak mempunyai apa-apa liabiliti kontigen yang material kecuali bagi jaminan-jaminan bank berhubung dengan kemudahan-kemudahan perbankan yang diberikan kepada KLC dan CWTP berjumlah RM8.85 juta.

(iv) Komitmen Modal

Pada 15 Mac 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah bila mana jumlah tertentu boleh dikira sebelum percetakan Prospektus ini), Kumpulan Analabs mempunyai komitmen modal berjumlah lebih kurang RM18.5 juta berhubung dengan perbelanjaan modal Kumpulan yang mewakili jumlah yang akan digunakan oleh Kumpulan daripada hasil Terbitan Hak bagi pengembangan operasi perniagaan, pembelian mesin, pelaburan R & D dan pengambilalihan Inagro sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 8.2 Prospectus ini.

9.3 Anggaran dan Ramalan Keuntungan Disatukan Bersama Dengan Nota-nota Berkaitan Dengannya

Para Pengarah Syarikat meramalkan bahawa, tanpa keadaan di luar jangkaan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai Kumpulan bagi tahun kewangan akan berakhir 30 April 2000 dan 2001 adalah seperti berikut:-

	Anggaran 2000 RM'000	Ramalan 2001 RM'000
Tahun Kewangan Akan Berakhir 30 April		
Keuntungan disatukan sebelum cukai dan kepentingan minoriti	12,314	18,357
Tolak: Keuntungan prapengambilalihan	(457)	-
Keuntungan disatukan selepas pengambilalihan sebelum cukai dan kepentingan minoriti	11,857	18,357
Tolak: Kepentingan minoriti	(76)	(36)
Keuntungan disatukan sebelum cukai tetapi selepas kepentingan minoriti	11,781	18,321
Tolak: Cukai	(1,995)	(3,020)
Keuntungan disatukan selepas cukai dan kepentingan minoriti	9,786	15,301
Bilangan purata wajaran saham ('000)	12,193	40,000
EPS kasar (sen)	96.62	45.80
EPS bersih (sen)	80.26	38.25
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM1.70 setiap saham biasa (kali)	1.76	3.71
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM1.70 setiap saham biasa (kali)	2.12	4.44